

## KAJIAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DALAM KALANGAN GURU BAHASA ARAB: SATU TINJAUAN SISTEMATIK

Norazida Ibrahim<sup>1</sup>, \*Muhammad Azhar Zailani<sup>1</sup> & Harris Shah Abd  
Hamid<sup>2</sup>

### ABSTRACT

The changing paradigm of educational assessment systems necessitates adjustments in teaching and learning processes by educators. Teachers should improve their assessment skills to accurately evaluate their students. Research on classroom assessment in Malaysia, specifically among Arabic language teachers, is currently limited and lacks exploration. This study aims to conduct a systematic literature review to analyze studies on classroom assessment in Malaysia, focusing specifically on Arabic language teachers. The data search was conducted using the PRISMA method, which involved searching selected electronic databases (MyJurnal, MyCite, and Google Scholar) for relevant literature published between 2017 and 2023. This study identified eight articles that met the initial criteria for literature screening which cover four key themes in relation to classroom assessment among Arabic language teachers. These themes are as follows (i) assessment planning, (ii) assessment management, (iii) assessment competence levels and (iv) the impact of classroom assessment practices. These findings underscore the existing research gaps in Malaysia's classroom assessment landscape, particularly within the local context. Furthermore, this synthesis offers insights for future research endeavors, serving as a valuable resource for scholars, educators, and policymakers alike. Further research is necessary due to the limitations of existing studies, which lack subject-specific investigations in the discipline being taught. This study highlights the significance of enhancing the comprehension and implementation of classroom assessment among Arabic language teachers, thereby contributing to the enhancement of the educational assessment system in Malaysia.

**Keywords:** *Arabic Language Teacher, Classroom Assessment, Systematic Review*

[1]  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya  
[azhar@um.edu.my](mailto:azhar@um.edu.my)

[2]  
Fakulti Pengurusan, Pendidikan dan  
Kemanusiaan,  
University College of MAIWP  
International

## PENGENALAN

Sistem pentaksiran pendidikan di Malaysia telah melalui beberapa peringkat perubahan dan transformasi yang selama ini berorientasikan peperiksaan (Mohd Hazim Mokhtar, 2016). Perubahan ini selari dengan perubahan sistem pendidikan semasa yang berlaku di peringkat global. Justeru, pada tahun 2011, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang bersifat holistik terhadap pencapaian murid. PBS bertujuan untuk mentaksir murid dalam semua aspek merangkumi aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani), psikomotor (jasmani) dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pelaksanaan PBS yang melibatkan komponen akademik iaitu Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP) dan komponen bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK), memberikan pengiktirafan dan autonomi sepenuhnya kepada guru bagi menjalankan pentaksiran sama ada pentaksiran formatif atau pun pentaksiran sumatif.

Seterusnya, KPM memperkenalkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) pada tahun 2016 bagi merealisasikan matlamat Gelombang 3 Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) (2013-2025), dalam rangka persiapan modal insan yang mampu mendepani cabaran abad ke-21. Pelaksanaan PBD adalah bertepatan dengan kurikulum baharu mata pelajaran iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KSSM) yang masih mengekalkan semua konsep PS (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019). PBD merupakan satu proses berterusan yang perlu dilakukan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi mendapatkan segala maklumat berkenaan perkembangan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap objektif pembelajaran seperti yang terkandung dalam kurikulum.

PBD merangkumi pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*), pentaksiran sebagai pembelajaran (*assessment as learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*). Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam melaksanakan pentaksiran bagi mencapai objektif pembelajaran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), merancang PdP dan kaedah pentaksiran, melaksanakan PdP dan pentaksiran, merekod hasil pentaksiran, menganalisis hasil pentaksiran, membuat tindakan susulan serta melaporkan keputusan pentaksiran kepada murid, ibu bapa, pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019; Wan Nor Fadzilah Wan Husin et al., 2021).

Konsep PBS dan PBD bukanlah sesuatu yang baharu dalam senario pendidikan di Malaysia, kerana semua warga pendidik telah melaksanakannya selama ini sepanjang sesi PdP. Melalui transformasi yang direalisasikan oleh KPM, sistem pentaksiran semakin berubah daripada berfokuskan peperiksaan kepada pentaksiran bilik darjah dan berasaskan standard. Hal ini bertepatan dengan kajian Anniliza Mohd Isa et al. (2020), yang mendapati pendekatan berfokuskan peperiksaan tidak begitu sesuai untuk dilaksanakan pada masa kini kerana setiap murid mempunyai kebolehan, penguasaan dalam pembelajaran dan potensi yang berbeza.

### **Penyataan Masalah**

Pentaksiran Bilik Darjah telah menjadi teras profesional dan akauntabiliti guru sejajar dengan dasar disentralisasi dalam pendidikan yang mula diperkenalkan di negara Barat pada awal tahun 1990-an. Menerusi polisi ini, guru dan pihak sekolah yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam melaksanakan PBD secara berkesan bermula daripada proses mentadbir pentaksiran, membuat penskoran dan mentafsir hasil pentaksiran tersebut bagi meningkatkan pembelajaran murid (Webb, 2002). Trend pentaksiran tradisi yang memfokuskan pentaksiran di akhir pengajaran berubah kepada pentaksiran untuk pembelajaran yang banyak membantu guru membuat keputusan tentang hasil pembelajaran murid melalui pelbagai kaedah pentaksiran alternatif seperti pentaksiran autentik, pentaksiran berasaskan prestasi, portfolio dan sebagainya (McMillan, 2001).

Walaupun pelaksanaan PBD di peringkat persekolahan rendah dan menengah telah melalui tempoh masa melebihi lima tahun sejak diperkenalkan, namun masih terdapat isu-isu berkaitan PBD yang diketengahkan oleh beberapa sarjana tempatan. Terdapat dalam kalangan guru yang terus mengamalkan pendekatan tradisional dalam melaksanakan pentaksiran berorientasikan peperiksaan dan tidak mengikut arus perubahan pentaksiran pendidikan terkini (Kalai Selvan Arumugham, 2020). Menurut Yeh (2021), penerimaan dan kesediaan guru untuk melaksanakan pentaksiran menunjukkan sebanyak 50% guru yang menghadiri kursus berpendapat mereka

masih kurang bersedia dalam melaksanakan PBD. Situasi ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya guru kurang pengetahuan, pemahaman, kemahiran dan latihan untuk melaksanakan pentaksiran (Fakhri Abd. Khalil & Mohd Isa Awang, 2016). Di samping itu, sikap positif guru berkaitan aktiviti-aktiviti pentaksiran seperti membuat perancangan, membina item, mentadbir ujian, membuat penskoran, menganalisis evidens, mengaplikasi maklumat pentaksiran, merekod data dan membuat pelaporan adalah rendah dan menganggapnya sebagai sesuatu yang membebankan mereka (Ramlah Ab Khalid et al., 2015).

Ketidakecapan guru dalam melaksanakan pentaksiran, tidak yakin mentaksir murid, kurang pengetahuan dan kemahiran dalam melakukan pentaksiran (Crusan et al., 2016; DeLuca & Johnson, 2017; Hill, 2017) boleh membawa kepada beberapa implikasi iaitu menghasilkan keputusan pentaksiran yang tidak adil kepada murid dan akan merugikan mereka (Prasetyo, 2018). Guru juga tidak dapat memantau pencapaian murid untuk menambah baik proses PdP yang seterusnya (Yeh & Mohd Zahuri Khairani, 2018) dan membuat pelaporan yang tidak tepat kepada murid dan ibu bapa (Arsaythamby Veloo et al., 2015; Plake et al., 1993). Akibatnya boleh menimbulkan keraguan dan ketidakpercayaan ibu bapa terhadap tanggungjawab guru di sekolah (Ashma Said et al., 2022).

Oleh itu, tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan PBD masih perlu dipertingkatkan supaya guru mempunyai kuasa autoriti dalam melaksanakan dan memperkembangkan kreativiti PdP mereka. Justeru guru boleh menyampaikan pengajaran dengan pelbagai kaedah dan melaksanakan pentaksiran bergantung kepada keupayaan murid di dalam kelas masing-masing (Fong & Noriah Muhamad, 2017). Sekiranya isu-isu berkaitan PBD tidak ditangani dengan segera akan memberi kesan jangka panjang terhadap kualiti pendidikan negara (Kausalya Gopala Pilai & Faridah Mydin Kutty, 2022). Sedangkan melalui PBD, guru dapat mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid, mengesan kemajuan perkembangan murid secara menyeluruh, mengetahui kelebihan dan kekurangan murid, merancang kaedah pentaksiran yang sesuai dengan tahap murid dan membuat tindakan susulan bagi sesi PdP yang seterusnya (Abdul Said Ambotang et al., 2021; Amie & Ruhizan Mohamad Yasin, 2019).

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui tema kajian pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab.
2. Mengetahui kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah guru bahasa Arab.
3. Mengetahui dapatan utama kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab.

### **Soalan Kajian**

Justeru tinjauan sistematik ini dijalankan bagi menjawab soalan-soalan berikut:


1. Apakah tema kajian pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab?
2. Apakah kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah guru bahasa Arab?
3. Apakah dapatan utama kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab?

## **METODOLOGI**

### **Tatacara Semakan Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis (PRISMA)**

Tinjauan sistematik ini dilaksanakan mengikut garis panduan *Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analysis* (PRISMA). Model PRISMA yang dibangunkan oleh Page et al. (2021) digunakan dalam pencarian dan analisis artikel, di samping prosedur tinjauan literatur dan penetapan kriteria pemilihan instrumen dalam pencarian literatur. Melalui Model PRISMA pengkaji memperoleh gambaran keseluruhan tentang bukti dalam bidang kajian yang diperlukan bagi menjalankan penyelidikan seterusnya (Petticrew & Roberts, 2006). Model ini juga dapat membantu pengkaji untuk menganalisis semua literatur yang dikenal pasti dengan tepat mengikut fasa-fasa yang ditetapkan dan secara sistematik bagi menjawab soalan kajian (Savec & Mlinarec, 2021). Terdapat tiga langkah utama dalam PRISMA 2020 bagi menganalisis dokumen-dokumen yang dikumpul iaitu pengenalanpastian (*identification*), penyaringan (*screening*) dan penerimaan (*included*) seperti Rajah 1.

Rajah 1: Adaptasi dan Ubahsuai Proses Pemilihan Artikel Model PRISMA (Page et al., 2021)



### Fasa Pengenalpastian

Tinjauan sistematik ini dilakukan pada bulan Mei 2023 dengan menggunakan beberapa langkah bagi menyemak literatur yang berkaitan pentaksiran bilik darjah bahasa Arab. Langkah pertama yang dijalankan dengan memfokuskan pencarian mengenai pentaksiran bilik darjah bahasa Arab. Langkah kedua pencarian literatur menggunakan kata kunci utama dalam Bahasa Melayu iaitu "pentaksiran", "pentaksiran bilik darjah", "guru bahasa Arab", "bahasa Arab" dan kombinasi antara beberapa kata kunci dengan tanda petikan. Kata kunci juga dipelbagaikan dengan menggunakan Bahasa Inggeris seperti "assessment", "classroom assessment" dan "arabic language teacher" bagi memperluas pencarian literatur. Pangkalan data elektronik *MyJurnal* dan *MyCite* digunakan dalam pencarian literatur ini, yang dianggap sesuai dengan tujuan kajian. Di samping itu, pangkalan data sokongan yang dirujuk adalah *Google Scholar* yang boleh menjadi enjin carian akademik tambahan di samping enjin carian lain dalam proses tinjauan sistematik (Haddaway et al., 2015). Seterusnya beberapa kriteria ditetapkan bagi menentukan dan memilih penyelidikan yang berkaitan tajuk kajian ini.

**Fasa Penyaringan**

Proses penyaringan berlaku setelah pengenalpastian jenis literatur dengan langkah pertama, mengeluarkan artikel yang sama atau pun berulang daripada pangkalan data. Terdapat 5 rekod yang berulang daripada ketiga-tiga pangkalan data dan 4 rekod berulang daripada pangkalan data *Google Scholar*. Tinjauan awal literatur disaring mengikut tajuk, abstrak, kata kunci dan berkaitan dengan konteks kajian iaitu PBD dan guru bahasa Arab. Daripada proses ini 634 rekod dikecualikan kerana tidak berkaitan konteks kajian. Seterusnya baki 72 rekod dengan teks lengkap melalui proses untuk mengenal pasti sama ada literatur tersebut diterima atau dikecualikan daripada kajian. Terdapat tiga kriteria penyaringan literatur iaitu kriteria umum, kriteria penerimaan dan kriteria pengecualian bagi memfokus dan memudahkan pencarian literatur seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** : Penetapan Kriteria Penyaringan Literatur

Kriteria Umum	Kriteria Penerimaan	Kriteria Pengecualian
Tahun Penerbitan	Antara tahun 2017 hingga 2023	Sebelum tahun 2017
Jenis Literatur	Artikel jurnal, kertas kerja persidangan dan tesis PhD	Selain daripada artikel jurnal, kertas kerja persidangan dan tesis PhD
Jaringan Penerbitan	Dalam negara	Luar negara
Bahasa Pengantar	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	Selain daripada bahasa yang diterima
Kemudahan Akses	Boleh diakses penuh	Tidak boleh diakses penuh
Konteks Kajian	Berkaitan PBD dan guru bahasa Arab	Tidak berkaitan PBD dan guru bahasa Arab
Peringkat Pengajian	Rendah dan menengah	Pengajian tinggi

Kriteria penerimaan garis masa tahun penerbitan yang ditetapkan adalah dari tahun 2017 sehingga 2023 memandangkan PBD mula diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada akhir tahun 2016 dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019). Oleh kerana kajian ini memfokuskan kajian berkaitan PBD dalam kalangan guru bahasa Arab, maka pencarian literatur memerlukan kepelbagaian jenis literatur termasuklah sumber dari artikel jurnal, kertas kerja persidangan dan tesis PhD. Manakala kriteria penggunaan bahasa pengantar dalam artikel merangkumi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kriteria pemilihan literatur juga hanya melibatkan akses penuh bagi memudahkan proses perolehan dan muat turun literatur. Di samping itu, konteks kajian hanya berkaitan PBD dan guru bahasa Arab serta melibatkan pengajian peringkat rendah dan menengah sahaja.

Maka kriteria pengecualian merupakan kriteria selain daripada kriteria yang diterima mengikut tahun penerbitan, jenis literatur, jaringan penerbitan, bahasa pengantar, kemudahan akses konteks kajian dan peringkat pengajian. Seterusnya teks penuh literatur yang memenuhi set kriteria yang ditetapkan, dimuat turun dan dibaca keseluruhan kandungan teks untuk menentukan sama ada literatur tersebut akan dikekalkan atau pun dikecualikan dalam langkah terakhir.

**Fasa Penerimaan**

Analisis integratif digunakan untuk mensintesis dan mengintegrasikan pelbagai reka bentuk penyelidikan, termasuk pendekatan kaedah kuantitatif, kaedah kualitatif dan kaedah campuran (Whittemore & Knaf, 2005). Langkah yang pertama dilakukan bagi penentuan tema dengan penyusunan semua data yang terpilih. Terdapat lapan artikel yang berpotensi untuk dimasukkan dalam kajian sistematik tentang PBD dalam kalangan guru bahasa Arab yang menjawab soalan kajian seperti Jadual 2. Semua artikel yang terpilih dieksport dan dimuat turun ke dalam perisian Mendeley Desktop sebelum analisis tematik dijalankan bagi mengenal pasti tema dan

konsep berkaitan kajian. Seterusnya maklumat umum berkaitan artikel seperti pangkalan data, nama jurnal, tajuk artikel, nama penyelidik dan tahun penerbitan disemak silang bagi memastikan kejituan maklumat setiap artikel tersebut. Manakala maklumat terperinci setiap artikel terpilih merangkumi abstrak, tujuan kajian, metodologi kajian, sampel kajian, lokasi kajian, dapatan kajian dan implikasi kajian atau cadangan kajian direkodkan dalam fail *Microsoft Excel*.

Proses ini telah menghasilkan empat tema utama iaitu (i) perancangan pentaksiran, (ii) pengurusan pentaksiran, (iii) tahap kecekapan pentaksiran dan (iv) kesan amalan pentaksiran bilik darjah yang memfokuskan sepenuhnya tentang kajian pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab (Abdul Razif Zaini et al., 2020; Hafilah Abd Satar et al., 2020; Hafilah Abd Satar & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2019; Hariatul Hafidzah Mahmad Khory et al., 2021b; Muhammad Syahrul Naim Mohd Fauzi & Saipolbarin Ramli, 2023; Nurul Ain Hasan et al., 2022; Sharifah Khaliqah Syed Hasbullah et al., 2022; Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah, 2017). Seterusnya proses semakan pakar telah dijalankan oleh dua orang pakar iaitu seorang dalam bidang bagi pendidikan guru dan seorang dalam bidang pendidikan dan psikologi. Proses semakan pakar bertujuan memastikan kejelasan, kepentingan dan kerelevanan setiap tema yang dibina. Akhirnya penambahbaikan tema dilakukan mengikut ulasan dan maklum balas pakar.

**Jadual 2:** Ringkasan Artikel Yang Terpilih Dalam Kajian Sistematis

Bil.	Pengkaji (Tahun)	Tujuan Kajian	Pendekatan Kajian	Sampel Kajian/ Lokasi Kajian
1	Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah (2017)	Membincangkan cara evidens pentaksiran diuruskan dalam pengajaran di bilik darjah.	Kualitatif	4 orang guru bahasa Arab / Kelantan
2	Hafilah Abd Satar dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2019)	Melaporkan peningkatan PdP bahasa Arab melalui pelaksanaan PBD yang dijalankan dengan betul dan berkesan.	Kualitatif	3 orang guru bahasa Arab / Tidak dinyatakan
3	Abdul Razif Zaini et al. (2020)	Menentu dan mengukur tahap kompetensi guru bahasa Arab dalam aspek bahasa, kurikulum, penilaian, profesionalisme dan pedagogi.	Kuantitatif	557 orang guru bahasa Arab/ 5 zon seluruh Malaysia
4	Hafilah Abd Satar et al. (2020)	Meneroka peningkatan kemahiran berbahasa Arab dengan pelaksanaan PBD.	Kualitatif	7 orang guru bahasa Arab/ Tidak dinyatakan

5	Hariatul Hafidzah Mahmad Khory et al. (2021)	Meneroka kaedah yang digunakan oleh guru bahasa Arab menjalankan PBD berdasarkan keperluan pembelajaran murid.	Kualitatif	3 orang guru bahasa Arab/  Perak
6	Nurul Ain Hasan et al. (2022)	Meneroka cara guru melaksanakan pentaksiran dalam proses pengajaran bahasa Arab bagi kemahiran lisan.	Kuantitatif	3 orang guru bahasa Arab/  Selangor
7	Sharifah Khaliqah Syed Hasbullah et al. (2022)	Meninjau pelaksanaan PBD bahasa Arab secara dalam talian dari aspek tahap pengetahuan guru, kemahiran pentaksiran guru dan cabaran yang dihadapi.	Kuantitatif	126 orang guru bahasa/  Tidak dinyatakan
8	Muhammad Syahrul Naim Mohd Fauzi dan Saipolbarin Ramli (2023)	Menganalisis instrumen teknologi yang digunakan oleh guru bahasa Arab dalam amalan pentaksiran di sekolah dan permasalahan yang dihadapi dalam pelaksanaan pentaksiran berbantuan instrumen teknologi serta kesan pentaksiran yang berbantuan instrumen teknologi kepada aktiviti PdP bahasa Arab.	Kuantitatif	33 orang guru bahasa/  Selangor

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini disusun kepada tiga bahagian utama berdasarkan objektif kajian seperti yang telah dijelaskan di atas. Bahagian pertama membincangkan tema kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab. Bahagian kedua pula membincangkan kaedah penyelidikan yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah guru bahasa Arab. Bahagian ini menumpukan (i) reka bentuk kajian, (ii) profil sampel kajian dan (iii) instrumen yang digunakan bagi mengumpul data. Manakala bahagian terakhir membincangkan dapatan utama kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab.

### **Soalan Kajian Pertama: Apakah tema kajian pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab?**

Hasil analisis terhadap literatur yang terpilih untuk tinjauan sistematik ini menerusi objektif dan soalan kajian yang dinyatakan, terdapat empat tema utama yang dikenal pasti iaitu (i) perancangan pentaksiran, (ii) pengurusan pentaksiran, (iii) tahap kompetensi pentaksiran dan (iv) kesan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah seperti Jadual 3.

**Jadual 3:** Senarai Tema Kajian Pentaksiran Bilik Darjah Guru Bahasa Arab

Bil.	Tema Kajian	Kekerapan	Pengkaji (Tahun)
1	Perancangan pentaksiran	3	Hariatul Hafidzah Mahmad Khory et al. (2021); Nurul Ain Hasan et al. (2022); *Muhammad Syahrul Naim Mohd Fauzi dan Saipolbarin Ramli (2023)
2	Pengurusan pentaksiran	1	Wan Mohd Zuhairi Bin Wan Abdullah (2017)
3	Tahap kompetensi pentaksiran	2	Abdul Razif Zaini et al. (2020); Sharifah Khaliqah Syed Hasbullah et al. (2022)
4	Kesan amalan pentaksiran bilik darjah	2	Hafilah Abd Satar dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2019); Hafilah Abd Satar et al. (2020); *Muhammad Syahrul Naim Mohd Fauzi dan Saipolbarin Ramli (2023)

Nota: \* Kajian Muhammad Syahrul Naim Mohd Fauzi dan Saipolbarin Ramli (2023) didapati mempunyai dua tema iaitu perancangan pentaksiran dan kesan amalan pentaksiran.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan tema yang paling banyak dikaji adalah berkaitan perancangan pentaksiran bilik darjah dengan tiga kekerapan kajian, diikuti oleh tema kajian berkaitan tahap kompetensi guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah dan kesan amalan pentaksiran bilik darjah. Manakala tema kajian pengurusan pentaksiran bilik darjah hanya terdapat satu kajian sahaja. Dapatan ini menunjukkan masih terdapat jurang yang luas dalam aspek pentaksiran bilik darjah guru bahasa Arab sama ada di peringkat rendah dan menengah.

**Soalan Kajian Kedua: Apakah kaedah penyelidikan yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah guru bahasa Arab?**

Soalan kajian kedua membincangkan kaedah penyelidikan yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah bahasa Arab merangkumi reka bentuk kajian, profil sampel kajian dan instrumen yang digunakan bagi mengumpul data. Jadual 4 menunjukkan pendekatan dan reka bentuk kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah guru bahasa Arab.

**Jadual 4:** Reka Bentuk dan Pendekatan Kajian Pentaksiran Bilik Darjah Guru Bahasa Arab

Reka Bentuk	Pendekatan (Kekerapan)	Instrumen/ Analisis Data	Sampel (Kekerapan)	Kajian	Pengkaji (Tahun)
Kualitatif	Kajian Kes (5)	Pemerhatian, Temu bual, Analisis Dokumen/ Atlas.ti versi 7	Guru bahasa Arab sekolah rendah (4)		Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah (2017)
		Temu bual, Analisis Dokumen/ Nvivo 12	Guru bahasa Arab sekolah menengah (3)		Hafilah Abd Satar dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2019)



Jadual 4 (sambungan)

Reka Bentuk	Pendekatan (Kekerapan)	Instrumen/ Analisis Data	Sampel (Kekerapan)	Kajian	Pengkaji (Tahun)
		Temu Mendalam/ Nvivo 12	bual Guru bahasa Arab sekolah menengah (7) Murid tingkatan 2 dan 3 (7)		Hafilah Abd Satar et al. (2020)
		Temu bual Separa Berstruktur/ Transkrip Verbatim	Guru bahasa Arab sekolah rendah (3)		Nurul Ain Hasan et al. (2022)
		Temu bual, Analisis Dokumen/ Transkrip Verbatim	Guru bahasa Arab sekolah rendah (3)		Hariatul Hafidzah Mahmad Khory et al. (2021)
Kuantitatif	Tinjauan (3)	Soal Selidik/ SPSS versi 21 Min	Guru bahasa Arab sekolah rendah (557)		Abdul Razif Zaini et al. (2020)
		Soal Selidik/ SPSS versi 26.0 Kekerapan, Peratus, Min Sisihan Piawai	Guru bahasa Arab sekolah rendah (126)		Sharifah Khaliqah Syed Hasbullah et al. (2022)
		Soal Selidik/ SPSS Kekerapan, Peratus, Min	Guru bahasa Arab sekolah menengah (33)		Muhammad Syahrul Naim Mohd Fauzi dan Saipolbarin Ramli (2023)

Hasil analisis terhadap reka bentuk dan pendekatan kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah guru bahasa Arab seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4, menjelaskan kebanyakan pengkaji memilih pendekatan kualitatif berbanding pendekatan kuantitatif. Semua pengkaji juga menggunakan pendekatan kajian kes dalam kajian kualitatif mereka dengan menganalisis data pemerhatian, temu bual separa berstruktur, temu bual mendalam secara transkripsi verbatim dan menggunakan perisian Atlas ti. dan Nvivo serta analisis dokumen. Manakala pendekatan kuantitatif hanya melibatkan tiga orang pengkaji sahaja dengan menggunakan kajian secara tinjauan. Dapatan soal selidik dianalisis secara deskriptif menerusi perisian statistik *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) merangkumi nilai min, sisihan piawai, kekerapan dan peratus. Namun begitu tiada proses kesahan panel pakar dinyatakan sebelum instrumen soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji atau diadaptasi, ditadbir dalam kajian rintis dan kajian sebenar. Selain itu, kajian dalam kalangan guru bahasa Arab sekolah rendah

menjadi tumpuan pengkaji dengan kekerapan lima kajian berbanding guru bahasa Arab sekolah menengah dengan satu kajian menggunakan sampel kajian daripada kalangan murid sekolah menengah.

**Soalan Kajian Ketiga: Apakah dapatan utama kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab?**

Dapatan utama kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab adalah seperti Jadual 5.

**Jadual 5:** Dapatan Kajian Berkaitan Pentaksiran Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab

Bil.	Pengkaji (Tahun)	Dapatan Kajian
1	Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah (2017)	Peserta kajian mengamalkan pengurusan evidens pentaksiran dengan baik meliputi perancangan awal pentaksiran, mempunyai strategi mengenal pasti, mengutip, mentafsir evidens pentaksiran dan membuat refleksi terhadap proses pengajaran dalam bilik darjah.
2	Hafilah Abd Satar dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2019)	Pelaksanaan PBD yang holistik dan berterusan sebagai pentaksiran bahasa Arab dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
3	Abdul Razif Zaini et al. (2020)	Kompetensi pentaksiran guru bahasa Arab sekolah rendah berada pada tahap sederhana (min 3.56). Guru bahasa Arab sekolah rendah kurang kompeten dalam aspek perancangan pentaksiran, pengurusan, pemarkahan dan interpretasi keputusan.
4	Hafilah Abd Satar et al. (2020)	Pelaksanaan PBD bahasa Arab secara terancang mampu meningkatkan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar.
5	Hariatul Hafidzah Mahmad Khory et al. (2021)	Guru perlu mempunyai perancangan baik sebelum menjalankan PdP dari aspek menguasai DSKP dan kompetensi guru membina Rancangan Pengajaran Harian mengikut Rancangan Pengajaran Tahunan.
6	Nurul Ain Hasan et al. (2022)	Peserta kajian telah melaksanakan pentaksiran kemahiran lisan dalam bilik darjah dengan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dalam PdP bahasa Arab.
7	Sharifah Khaliqah Syed Hasbullah et al. (2022)	Guru-guru bahasa Arab mempunyai kefahaman dan kemahiran untuk melaksanakan PBD secara dalam talian dengan memiliki skor min bagi setiap konstruk adalah tinggi dan sederhana tinggi, iaitu pengetahuan PBD guru (min= 4.60), kemahiran PBD guru (min= 4.34) dan cabaran pelajar (min=3.94)
8	Muhammad Syahrul Naim Mohd Fauzi dan Saipolbarin Ramli (2023)	Amalan pentaksiran berbantuan elemen teknologi dalam kalangan guru bahasa Arab berada pada nilai min 3.72 yang menunjukkan instrumen teknologi memberi kesan yang baik terhadap amalan pentaksiran guru bahasa Arab di sekolah.

Berdasarkan analisis terhadap dapatan utama kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab menunjukkan kajian terdahulu boleh dikelompokkan kepada empat tema iaitu (i) perancangan pentaksiran, (ii) pengurusan pentaksiran, (iii) tahap kompetensi pentaksiran dan (iv) kesan amalan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Perancangan pentaksiran merupakan aspek yang paling penting perlu dititik beratkan oleh guru sebelum melakukan sebarang aktiviti pentaksiran. Perancangan pentaksiran yang berkesan dan sistematik boleh mempengaruhi pencapaian kemahiran berbahasa murid (Hafilah Abd Satar et al., 2020; Hafilah Abd Satar & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2019; Hariatul Hafidzah Mahmad Khory et al., 2021a). Di samping itu, penggunaan pelbagai kaedah pentaksiran dan teknik pengajaran yang menarik (Nurul Ain Hasan et al., 2022) serta instrumen pentaksiran yang mengandungi elemen-elemen teknologi dapat mempengaruhi amalan pentaksiran bilik darjah bahasa Arab (Muhammad Syahrul Naim Mohd Fauzi & Saipolbarin Ramli, 2023). Selain itu, pengurusan evidens pentaksiran yang bersistematik (Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah, 2017) dapat membantu guru membuat tindakan susulan terhadap sesi PdP yang seterusnya bagi memastikan kemenjadian murid. Justeru, tahap kompetensi pentaksiran guru bahasa Arab dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah (Abdul Razif Zaini et al., 2020; Sharifah Khaliqah Syed Hasbullah et al., 2022) adalah gambaran sejauhmana amalan pentaksiran dimanifestasikan dalam rutin PdP.

Terdapat beberapa limitasi dalam lapan kajian lepas merangkumi reka bentuk kajian, peringkat pengajian, lokasi kajian, sampel kajian dan skop kajian. Berdasarkan analisis literatur, sebahagian besar reka bentuk kajian yang dijalankan adalah secara kualitatif berbanding reka bentuk kajian kuantitatif. Manakala kebanyakan kajian tertumpu di sekolah rendah berbanding sekolah menengah. Kajian PBD di sekolah menengah juga perlu dipertimbangkan bagi mengenal pasti kekuatan dan kekurangan pelaksanaan PBD selepas tempoh pelaksanaannya melangkaui tempoh lima tahun. Di samping itu, batasan lokasi kajian perlu diseimbangkan dengan melibatkan kawasan bandar dan luar bandar memandangkan perbezaan akses pendidikan yang mungkin mempengaruhi keberkesanan amalan pelaksanaan PBD. Limitasi seterusnya kajian PBD didapati hanya melibatkan peserta kajian dari negeri tertentu sahaja dan kurang melibatkan perwakilan sampel kajian daripada seluruh negeri di Malaysia. Limitasi terakhir dari aspek skop kajian sedia ada terhad kepada perancangan pentaksiran, pengurusan pentaksiran, tahap kompetensi pentaksiran dan kesan amalan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Skop kajian boleh diperluas lagi dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam pentaksiran pendidikan, cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD, hubungan antara amalan pelaksanaan PBD dan peningkatan pencapaian murid dan sebagainya.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah membentangkan beberapa penemuan daripada para pengkaji terdahulu berkaitan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab. Penemuan kajian yang meliputi tema kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah, kaedah penyelidikan yang digunakan dan dapatan utama kajian lepas adalah relevan untuk dikaji khususnya dalam konteks pentaksiran pendidikan bahasa Arab. Hasil tinjauan ini juga diharapkan dapat membuka ruang baharu dan cetusan idea kepada para penyelidik untuk mengembangkan lagi kajian berkaitan pentaksiran bilik darjah khususnya dalam kalangan guru bahasa Arab.

Dapatan kajian ini memberikan implikasi kepada semua pihak berkepentingan dalam sistem pendidikan kebangsaan merangkumi penggubal dasar, pihak pentadbir sekolah dan warga pendidik. Pihak penggubal dasar boleh merancang pembangunan profesionalisme melalui siri-siri kursus dan latihan secara teratur berkaitan pentaksiran pendidikan kepada warga pendidik untuk memantapkan lagi kemahiran pentaksiran. Manakala pihak sekolah dan warga pendidik perlu memainkan peranan yang proaktif dan mengambil inisiatif untuk merealisasikan sebarang perubahan dasar pendidikan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam rangka meningkatkan kualiti pentaksiran pendidikan negara. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan masa hadapan dapat mengambil kira limitasi kajian yang dibincangkan dalam usaha memperkasakan profesionalisme keguruan dan akauntabiliti guru bahasa Arab berkaitan pentaksiran pendidikan. Justeru, kajian berfokuskan pentaksiran bilik darjah dalam kalangan guru bahasa Arab di Malaysia sangat wajar diteruskan lantaran keterbatasan dan kekurangan penyelidikan mengikut analisis literatur sistematik ini.

## RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Rofian Ismail, Mohd Redzauddin Ghazali, & Hasmadi Hamdan. (2020). Kompetensi guru Bahasa Arab sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(1), 103–113.
- Abdul Said Ambotang, Christina, A., & Norhamimah Minduru. (2021). Sumbangan pengetahuan dan kemahiran guru sekolah rendah terhadap amalan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kesidang*, 6, 107–119.
- Amie, D. D., & Ruhizan Mohamad Yasin. (2019). Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). In Tajularipin Sulaiman, Roselan Baki, Azlin Norhaini Mansor, & Josephine Ambon (Eds.), *ICOFEA 2019 Conference Proceeding* (pp. 8–15). Malaysia Association of Research and Education for Educators. <https://doi.org/eISBN978-967-14616-6-2>
- Aniza Ahmad, & Zamri Mahamod. (2015). Tahap kemahiran guru Bahasa Melayu sekolah menengah dalam melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)*, 5(1), 18–29.
- Anniliza Mohd Isa, Al-Amin Mydin, Abdul Ghani Kanesan Abdullah, & Wan Fadhurrahman W. Md. Rasidi. (2020). Transformasi pendidikan Tahap 1 : Peperiksaan ke Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), kesan terhadap autonomi guru. In Nurul Fadly Habidin, Tuan Waheda Tuan Chik, S. Y. Y. Ong, Ummu Aiman Muhammad, & Nursyazwani Mohd Fuzi (Eds.), *Isu dan cabaran dalam pendidikan: Strategi dan inovasi* (pp. 274–282). Kaizentrenovation Sdn. Bhd.
- Arsaythamby Veloo, Hariharan N. Krishnasamy, & Ruzlan Md-Ali. (2015). Teachers' knowledge and readiness towards implementation of School Based Assessment in secondary schools. *International Education Studies*, 8(11), 193. <https://doi.org/10.5539/ies.v8n11p193>
- Ashma Said, Darayani Johari, Noor Marina Yunus, & Nurhidayah Mat Husin. (2022). Tahap pemahaman dan integriti guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 118–124. <https://spaj.ukm.my/jpbm>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2019). Panduan pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah edisi ke-2 (Kedua). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Crusan, D., Plakans, L., & Gebril, A. (2016). Writing assessment literacy: Surveying second language teachers' knowledge, beliefs, and practices. *Assessing Writing*, 28, 43–56. <https://doi.org/10.1016/j.asw.2016.03.001>
- DeLuca, C., & Johnson, S. (2017). Developing assessment capable teachers in this age of accountability. *Assessment in Education: Principles, Policy and Practice*, 24(2), 121–126. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2017.1297010>
- Fakhri Abd. Khalil, & Mohd Isa Awang. (2016). Isu kesediaan guru dalam amalan melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. *EDUCATUM – Journal of Social Science*, 2(January), 1–7.
- Fong, P. C., & Noriah Muhamad. (2017). Readiness of implementation of school-based assessment among the Malay language teachers in national schools. *Advanced Science Letters*, 23(3), 2169–2173. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.8589>
- Haddaway, N. R., Collins, A. M., Coughlin, D., & Kirk, S. (2015). The role of google scholar in evidence reviews and its applicability to grey literature searching. *PLoS ONE*, 10(9), 1–17. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0138237>
- Hafilah Abd Satar, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2019). Improvement of lower secondary Arabic Language teaching and learning through the implementation of Classroom-Based Assessments (PBD). *Creative Education*, 10(12), 2555–2563. <https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012183>
- Hafilah Abd Satar, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Mohd Isa Hamzah. (2020). Peningkatan pelajar dalam kemahiran berbahasa Arab hasil pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). In Noraini Omar, Siti Suhaila Ihwani, Noornajihan Jaafar, Zetty Nurzuliana Rashed, Norhapizah Mohd Burhan, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Mahfuzah Mohammed Zabidi, Nur Hanani Hussin, Nor Hayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Mohd Shafie, & Marwan Mohd Khir (Eds.), *7 th International Conference on Islamic Education 2020 (ICIEd 2020) "Continuity of Islamic Education in the IR 4.0 Society"* (pp. 423–431). Association of Malaysian Muslim Intellectuals.

- Hariatul Hafidzah Mahmad Khory, Mohd Nazri Abdul Rahman, & Muhammad Azhar Zailani. (2021a). Pengurusan pentaksiran bilik darjah mata pelajaran bahasa Arab berasaskan keperluan pembelajaran murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41–57.
- Hariatul Hafidzah Mahmad Khory, Mohd Nazri Abdul Rahman, & Muhammad Azhar Zailani. (2021b). Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah mata pelajaran Bahasa Arab berasaskan keperluan pembelajaran murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41–57.
- Herrera, L., & Macías, D. (2015). A call for language assessment literacy in the education and development of teachers of English as a foreign language. *Colombian Applied Linguistics Journal*, 17(2), 302–312. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.14483/udistrital.jour.calj.2015.2.a09>
- Hill, K. (2017). Understanding classroom-based assessment practices: a precondition for teacher assessment literacy. *Papers in Language Testing and Assessment*, 6(1), 1–17.
- Kalai Selvan Arumugham. (2020). Pentaksiran Bilik Darjah dan kemenjadian murid : Pengukuran tahap perkembangan pembelajaran murid dalam mata pelajaran bahasa Melayu. April, 0–13.
- Kausalya Gopala Pilai, & Faridah Mydin Kuty. (2022). Sikap guru bahasa Melayu dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001522. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1522>
- McMillan, J. H. (2001). *Classroom assessment: Principles and practice for effective instruction (Second Edi)*. Pearson Education Company,.
- Mohd Hazim Mokhtar. (2016). *Pentaksiran pendidikan: Teori dan praktis ke arah transformasi sistem pendidikan negara*. Kentalmas Jati Sdn Bhd.
- Muhammad Syahrul Naim Mohd Fauzi, & Saipolbarin Ramli. (2023). Amalan pentaksiran berbantuan instrumen teknologi dalam kalangan guru bahasa Arab : Satu pandangan awal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 589–601.
- Nurul Ain Hasan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Fariza Khalid. (2022). Kaedah pentaksiran bagi kemahiran lisan dalam pengajaran bahasa Arab sekolah rendah. *Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(4), 85–105.
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., ... Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *The BMJ*, 372. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Petticrew, M., & Roberts, H. (2006). *Systematic reviews in the social sciences: A practical guide*. Blackwell Publishing Ltd.
- Plake, B. S., Impara, J. C., & Fager, J. J. (1993). Assessment competencies of teachers: A national survey. *Educational Measurement: Issues and Practice*, 12(4), 10–12. <https://doi.org/10.1111/j.1745-3992.1993.tb00548.x>
- Prasetyo, A. H. (2018). Language assessment literacy development: A student-teacher'S experiences in teaching practice program. *Journal on Language and Language Teaching*, 21(2), 199–206. <http://e-journal.usd.ac.id/index.php/LLT>
- Ramlah Ab Khalid, Jamil Ahmad, & Analisa Hamdan. (2015). Pembentukan sikap positif guru terhadap pelaksanaan aktiviti pentaksiran. *Journal of Personalized Learning*, 1(1), 77–84.
- Savec, V. F., & Mlinarec, K. (2021). Experimental work in science education from green chemistry perspectives: A systematic literature review using prisma. *Sustainability (Switzerland)*, 13(23). <https://doi.org/10.3390/su132312977>
- Sharifah Khaliqah Syed Hasbullah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Mohd Isa Hamzah. (2022). Pelaksanaan pentaksiran bilik darjah bahasa Arab secara dalam talian di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 309–320. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Wan Mohd Zuhairi Wan Abdullah. (2017). *Evidens Pentaksiran Sekolah Dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Rendah*. Universiti Malaya.
- Wan Nor Fadzilah Wan Husin, Ilhavenil Narinasamy, & Logeswari Arumugam M Pillay. (2021). Pembinaan dan pengesahan instrumen kajian pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Tahap Satu: Satu analisis faktor. *Jurnal Kurikulum*, 6, 43–55.
- Webb, N. L. (2002). *Assessment Literacy in a standards-based education setting*. Wisconsin Center for Education Research, April 2002.

- Whittemore, R., & Knafl, K. (2005). The integrative review: Updated methodology. *Journal of Advanced Nursing*, 52(5), 546–553. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.2005.03621.x>
- Yeh, L. H. (2021). Cabaran yang dihadapi Pendidikan Seni Visual dengan Pentaksiran Bilik Darjah di sekolah rendah daerah Hilir Perak. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), 46–57.
- Yeh, L. H., & Mohd Zahuri Khairani. (2018). Pelaksanaan PBS guru-guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam pengajaran dan pelajaran berasaskan estetik. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 6(July), 1–10.